

26/05/1997

Pendirian Sarawak, Pusat tidak terasing

Misiah Taib

KUCHING, Ahad - Kerajaan Sarawak sentiasa bekerjasama rapat dan tidak pernah mempunyai pendirian yang terasing dengan Kerajaan Pusat, terutama dalam soal membabitkan pembangunan, kata Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Menurutnya, kerjasama yang terjalin antara kerajaan di kedua-dua peringkat wujud sejak berpuluh tahun dulu dan ia kekal sehingga hari ini.

"Kita tidak menghadapi masalah perbezaan pendirian dengan Kerajaan Pusat. Dalam soal tanah misalnya, kita tidak pernah mengambil tanah rakyat dan menjualnya kepada orang lain.

"Dari segi undang-undang Islam pula kita (Sarawak) yang memulakan kerjasama antara semua negeri.

"Kita yang meminta diwujudkan kerjasama antara semua negeri dalam soal undang-undang syariah, kerana undang-undang Islam diletakkan di bawah kerajaan-kerajaan negeri," katanya ketika ditemui selepas melepaskan Larian Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (Saberkas) 1997 di Padang Merdeka di sini, hari ini.

Beliau yang juga Presiden Saberkas mengulas kenyataan Perdana Menteri kelmarin, yang kesal dengan sikap sesetengah kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) yang tidak memberi kerjasama rapat dan mempunyai pendirian berbeza dengan Kerajaan Pusat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi contoh perbezaan pendirian dari segi penyelarasan undang-undang Islam dan pengambilan tanah antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat, yang mana ada kerajaan negeri yang menyukarkan usaha kerajaan untuk mengambil tanah bagi pembangunan.

Pucuk pimpinan negara itu berkata, kerajaan negeri terbabit lebih bersedia menjual tanah itu dan membuat keuntungan untuk mereka sendiri.

Taib yang juga Pengerusi BN Sarawak memberi contoh, dalam undang-undang syariah, kerajaan negeri berjaya meminta kerjasama diwujudkan antara semua negeri berhubung pemberian belanja untuk isteri yang ditinggalkan suami di kuatkuasakan di seluruh negara, selepas mendapat keputusan mahkamah.

"Ini tentu sekali bertujuan menjamin wanita kita akan mendapat layanan lebih baik dalam masyarakat," katanya.

Menurutnya, beliau berpuas hati dengan kerjasama baik antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri setakat ini, sambil menyifatkan ia sebagai antara penyumbang utama kepada pembangunan yang dikecapi rakyat pelbagai kaum di negeri ini sekarang.

Katanya, kerajaan negeri juga akur bahawa hubungan baik dengan Kerajaan Pusat penting bagi menjamin kesinambungan pembangunan untuk rakyat, bagi jangka panjang.

(END)